



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KESAN PERLAKSANAAN MODUL KERJAYA TERHADAP  
KEMATANGAN KERJAYA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI  
SELANGOR**

**TAN WAT JIN.**

**FPP 2005 23**



**KESAN PERLAKSANAAN MODUL KERJAYA  
TERHADAP KEMATANGAN KERJAYA  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH  
DI SELANGOR**

**Oleh**

**TAN WAT JIN**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**April 2005**



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KESAN PERLAKSANAAN MODUL KERJAYA  
TERHADAP KEMATANGAN KERJAYA  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH  
DI SELANGOR**

Oleh

TAN WAT JIN

April 2005

**Pengerusi : Profesor Madya Sidek bin Mohd Noah, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk menguji kesan pelaksanaan modul kerjaya terhadap kematangan kerjaya pelajar di sebuah sekolah menengah di Negeri Selangor. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian *true experimental*, iaitu reka bentuk kumpulan kawalan rawak praujian-pasca ujian. Sampel kajian terdiri daripada 40 pelajar Tingkatan Empat yang diagihkan kepada dua kumpulan mengikut kaedah persampelan rawak mudah. Dua kumpulan tersebut adalah kumpulan eksperimen yang mendapat rawatan dan kumpulan kawalan yang tidak diberi apa-apa rawatan. Kumpulan eksperimen menjalani rawatan selama tujuh belas hari menggunakan modul kerjaya yang mengandungi enam bahagian yang dihasilkan oleh Hanid Abdul Halit. Kedua-dua kumpulan ini telah diberikan Inventori Kematangan Kerjaya (Crites & Savickas, 1995) sebelum dan selepas rawatan. Inventori Kematangan Kerjaya digunakan kerana alat ukuran ini sesuai untuk mengukur tahap kematangan kerjaya pelajar. Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif (min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus) serta

statistik inferensi (ujian- $t$ ). Keputusan kajian menunjukkan bahawa modul kerjaya dapat meningkatkan kematangan kerjaya di kalangan pelajar secara berkesan. Kumpulan eksperimen menunjukkan signifikan hasil daripada kesan pelaksanaan program iaitu [ $t(19) = -8.682, p < .05$ ]. Dapatan kajian ini menunjukkan betapa perlu dan pentingnya Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan Program Kerjaya dalam kurikulum sekolah untuk membantu perkembangan dan kematangan kerjaya pelajar.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science

**THE EFFECT OF IMPLEMENTATION OF THE CAREER MODULE  
ON CAREER MATURITY OF THE SELANGOR  
SECONDARY SCHOOL STUDENT**

**By**

**TAN WAT JIN**

**April 2005**

**Chairman : Associate Professor Sidek bin Mohd Noah, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

The purpose of this study is to test the effect of implementation of the career module on career maturity amongst secondary school students in one of the secondary school in the state of Selangor. The design used in this study is the true experimental, pre-test, post-test randomized control group design. The subjects of this study are 40 Form Four students who are divided into two groups using simple random sampling. The experimental group was given the treatment whereas the control group was free from any treatment. The experimental group was given the treatment for seventeen days using six components of career module formulated by Hanid Abdul Halit. The group was also given the Career Maturity Inventory (Crites & Savickas, 1995) test before and after the treatment. Career Maturity Inventory has been used because of its suitability for measuring career maturity amongst the students. Descriptive statistics used were means, standard deviations, frequencies and percentages, and inferential statistics used was *t*-test. The results of this study indicated that the career module was effective in increasing

career maturity among the students. The experimental group had significant bearing on the effectiveness of the program [ $t(19) = -8.682, p < .05$ ]. These findings indicated the need and the importance of the career training module to be formally introduced in the school curriculum by the Ministry of Malaysia Education to assist the development and career maturity of the student.

## PENGHARGAAN

Saya rasa bersyukur ke hadrat Tuhan yang telah memberi saya kekuatan dan memberkati saya melalui pelbagai dugaan sehingga dapat menyempurnakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Profesor Madya Dr. Sidek Mohd Noah kerana telah banyak meluangkan masa dan tenaga memberi nasihat dan pandangan yang membina untuk saya menyempurnakan kajian ini. Saya juga amat terhutang budi dan berterima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyelia kajian saya Dr. Rusnani Abdul Kadir dan Puan Asmah Ismail kerana telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan sokongan sehingga selesai penulisan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada semua pensyarah Bimbingan dan Kaunseling, Pensyarah Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia atas ilmu dan khidmat nasihat yang diberikan.

Saya juga merakamkan teriam kasih kepada Tuan Pengetua SMK Seri Serdang dan SMK Sri Indah serta guru-guru yang telah memberikan kerjasama kepada saya semasa menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga pelajar-pelajar terutamanya yang menjadi sampel kajian saya, teman-teman seperjuangan yang telah memberi apa juga bentuk sokongan serta pegawai-pegawai yang bertugas di Jabatan Siswazah dan Perpustakaan UPM yang sentiasa memberi kerjasama sepanjang pengajian saya.

Akhir sekali jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada suami tersayang, Weng Kim dan anak tercinta Long Xiang serta ibu bapa dan adik beradik saya yang sentiasa memberi dorongan, kerjasama dan mendoakan kejayaan saya.

Tan Wat Jin,  
Seri Kembangan,  
Selangor Darul Ehsan.





Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Tan Wat Jin telah mengadakan peperiksaan akhir pada 18 April 2005 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Kesan Pelaksanaan Modul Kerjaya Terhadap Kematangan Kerjaya Pelajar Sekolah Menengah di Selangor” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Mohd Fadzil Che Din, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Lily Mastura Harun, PhD**


Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Jamaludin Ahmad, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**See Ching Mey, PhD**

Profesor Madya  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZAKARIAH ABDUL RASHID, PhD**

Profesor/Timbangan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **21 JUL 2005**




Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Sidek Mohd. Noah, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Rusnani Abdul Kadir, PhD**  
Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Asmah Ismail**  
Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



---

**AINI IDERIS, PhD**  
Profesor/Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **11 AUG 2005**

## PERAKUAN

Saya akui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.



TAN WAT JIN

Tarikh: 23.5.2005

## KANDUNGAN

		Muka surat
	<b>ABSTRAK</b>	ii
	<b>ABSTRACT</b>	iv
	<b>PENGHARGAAN</b>	vi
	<b>PENGESAHAN</b>	viii
	<b>PERAKUAN</b>	x
	<b>KANDUNGAN</b>	xi
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
	<b>BAB</b>	
<b>I</b>	<b>PENGENALAN KAJIAN</b>	
	Pengenalan	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Pendekatan Teori	10
	Model Kematangan Kerjaya Crites (1961)	11
	Teori Perkembangan Kerjaya Super (1990)	14
	Rumusan Kecil	30
	Pernyataan Masalah	30
	Tujuan Kajian	34
	Tujuan Umum	35
	Tujuan Khusus	35
	Kesignifikanan Kajian	35
	Definisi Pemboleh Ubah Kajian	37
	Kesan	37
	Modul	38
	Kematangan Kerjaya	39
	Pelajar Sekolah Menengah	41
	Hipotesis Kajian	42
	Hipotesis Umum	42
	Hipotesis Khusus	43
	Rumusan Bab	44
<b>II</b>	<b>KAJIAN-KAJIAN LITERATUR</b>	
	Pengenalan	45
	Kajian Tentang Kematangan Kerjaya	45
	Kesan Perlaksanaan Program Kerjaya Dan Kematangan Kerjaya	70
	Rumusan Kecil	86
	Kerangka Konsep Kajian	87

	Rumusan Bab	90
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	Pengenalan	91
	Reka Bentuk Kajian	91
	Ancaman Kepada Kesahan Kajian	93
	Ancaman Kepada Kesahan Dalaman	94
	Sejarah dan Kematangan	94
	Intrumentasi	95
	Regresi Statistik	95
	Mortaliti Eksperimen	95
	Ancaman Kepada Kesahan Luaran	96
	Kesan Interaksi Bias Pemilihan Dan Rawatan	96
	Kesan Reaktif Prosedur Eksperimen	97
	Kesan <i>Hawthorne</i>	97
	Tempat Kajian	98
	Subjek Kajian	99
	Populasi Kajian	99
	Sampel Kajian	99
	Alat Kajian	104
	Inventori Kematangan Kerjaya (IKK)	104
	Kesahan IKK (Crites, 1978)	107
	Kebolehpercayaan IKK (Crites, 1978)	108
	Terjemahan Inventori Kematangan Kerjaya (IKK)	110
	Kajian Rintis	112
	Soal Selidik Maklumat Diri	114
	Modul Kerjaya	114
	Kesahan Modul Kerjaya	121
	Kebolehpercayaan Modul Kerjaya	122
	Keberkesanan Modul Kerjaya	125
	Tata Cara Kajian	126
	Tarikh Perlaksanaan Modul Kerjaya	128
	Limitasi Kajian	129
	Penganalisan Data Statistik	132
	Kaedah Permarkatan	132
	Analisis Data Dan Pengiraan Statistik	133
	Rumusan Bab	136
<b>IV</b>	<b>KEPUTUSAN KAJIAN</b>	137
	Pengenalan	137
	Maklum Balas Modul Kerjaya	137
	Cerapan Bagi Aktiviti Modul Kerjaya	139
	Pengujian Hipotesis	144
	Hipotesis Pertama	145

	Hipotesis Kedua	146
	Hipotesis Ketiga	147
	Hipotesis Keempat	148
	Hipotesis Kelima	149
	Hipotesis Keenam	150
	Hipotesis Ketujuh	151
	Hipotesis Kelapan	152
	Hipotesis Kesembilan	153
	Rumusan Keputusan Kajian dan Pengujian Hipotesis	154
	Rumusan Bab	156
<b>V</b>	<b>PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>157</b>
	Pengenalan	157
	Perbincangan	157
	Berdasarkan Kajian Literatur Dan Teori	157
	Berdasarkan Kematangan Kerjaya Kumpulan Kajian	160
	Berdasarkan Sikap Dan Kecekapan Kematangan Kerjaya	162
	Berdasarkan Pasca Ujian Kumpulan Kajian	165
	Berdasarkan Maklum Balas Dan Cerapan	166
	Implikasi Kajian	170
	Implikasi Kepada Pelajar	172
	Implikasi Kepada Sekolah	173
	Implikasi kepada Kementerian Pelajaran	175
	Cadangan Kajian	176
	Cadangan Untuk Perkhidmatan Pendidikan	176
	Cadangan Kajian Akan Datang	179
	Rumusan Bab	180
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>181</b>
	<b>LAMPIRAN-LAMPIRAN</b>	
	<b>BIODATA PENULIS</b>	

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Pakej 1 (Ekapengkhususan)	3
2	Pakej 2 (Dwi pengkhususan)	4
3	Taburan Penganggur Mengikut Kumpulan Umur, Malaysia 2002	6
4	Dimensi Kecekapan Dan Definisi Secara Operational	12
5	Dimensi Sikap Dan Definisi Secara Operational	13
6	Peringkat Perkembangan Kerjaya Dan Ciri-Cirinya	17
7	Dimensi-Dimensi Tentang Kematangan Kerjaya	20
8	Tugas-Tugas Perkembangan Kerjaya Dan Sifat-Sifat Umum	23
9	Taburan Penganggur Mengikut Pencapaian Pendidikan, Malaysia 2002	32
10	Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Rawak Praujian-Pasca Ujian	92
11	Perbandingan Skor Min Praujian Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Serta Keputusan Ujian- <i>t</i>	101
12	Rumusan Taburan Sampel Kajian	102
13	Ringkasan Keputusan ANCOVA Sehala Secara Berasingan Bagi Kumpulan Kajian Berdasarkan Ciri-Ciri Demografi	103
14	Ketekalan Dalaman Skala Sikap Bagi Pelajar Gred 6 Hingga Gred 12	109
15	Ketekalan Dalaman Ujian Kecekapan Bagi Pelajar Gred 6 Hingga Gred 12	110
16	Keputusan Ujian Kesahan Kandungan Modul Kerjaya	121
17	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Modul Kerjaya	123
18	Keputusan Praujian Dan Pasca Ujian Bagi Kumpulan Eksperimen	125

19	Jadual Pelaksanaan Modul Kerjaya	129
20	Permarkatan Inventori Kematangan Kerjaya	132
21	Penganalisan Data Statistik	135
22	Keputusan Maklum Balas Modul Kerjaya	138
23	Perbandingan Skor Min Sebelum Dan Selepas Rawatan Serta Keputusan Ujian- <i>t</i> Bagi Kematangan Kerjaya Kumpulan Eksperimen	146
24	Perbandingan Skor Min Sebelum Dan Selepas Rawatan Serta Keputusan Ujian- <i>t</i> Bagi Sikap Kematangan Kerjaya Kumpulan Eksperimen	147
25	Perbandingan Skor Min Sebelum Dan Selepas Rawatan Serta Keputusan Ujian- <i>t</i> Bagi Kecekapan Kematangan Kerjaya Kumpulan Eksperimen	148
26	Perbandingan Skor Min Sebelum Dan Selepas Rawatan Serta Keputusan Ujian- <i>t</i> Bagi Kematangan Kerjaya Kumpulan Kawalan	149
27	Perbandingan Skor Min Sebelum Dan Selepas Rawatan Serta Keputusan Ujian- <i>t</i> Bagi Sikap Kematangan Kerjaya Kumpulan Kawalan	150
28	Perbandingan Skor Min Sebelum Dan Selepas Rawatan Serta Keputusan Ujian- <i>t</i> Bagi Kecekapan Kematangan Kerjaya Kumpulan Kawalan	151
29	Perbandingan Skor Min Kematangan Kerjaya Pasca Ujian Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Serta Keputusan Ujian- <i>t</i>	151
30	Perbandingan Skor Min Sikap Kematangan Kerjaya Pasca Ujian Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Serta Keputusan Ujian- <i>t</i>	152
31	Perbandingan Skor Min Kecekapan Kematangan Kerjaya Pasca Ujian Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Serta Keputusan Ujian- <i>t</i>	153
32	Rumusan Keputusan Kajian	154
33	Rumusan Hipotesis Kajian	155



**SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1	Model Kematangan Kerjaya Crites Di Kalangan Remaja	11
2	Kaitan Antara Kesedaran Diri Dan Kesedaran Kerjaya	22
3	Kerangka Konsep Penyelidikan: Hubungan Pemboleh-Pemboleh Ubah Dengan Modul Kerjaya	88
4	Pemilihan Sampel Kajian Eksperimen	99
5	Kerangka Teori Kajian dan Pembinaan Modul Abdul Hanid Halit (2004)	118

## SENARAI SINGKATAN

ANCOVA	<i>Analysis of Covariance</i>
BI	Bahasa Inggeris
BM	Bahasa Melayu
C	Cerapan
C <sub>1</sub> , C <sub>3</sub>	Praujian
C <sub>2</sub> , C <sub>4</sub>	Pasca Ujian
CDI	<i>Career Decideness and Implementation</i>
CMI	<i>Career Maturity Inventory</i>
dk	Darjah Kebebasan
E	Eksperimen
IKK	Inventory Kematangan Kerjaya
K	Kawalan
M	Matematik
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Variance</i>
MLVK	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
mp	Mata Pelajaran
N	Saiz Sampel
O	Rawatan
<i>P</i>	Paras signifikan
PI	Pendidikan Islam
PM	Pendidikan Moral
PMR	Penilaian Menengah Rendah
s.p.	Sisihan Piawai
Sc	Sains
Sj	Sejarah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
X	Min
<	Lebih kecil daripada
>	Lebih besar daripada

## **BAB I**

### **PENGENALAN KAJIAN**

#### **Pengenalan**

Bab ini membincangkan perkara-perkara asas yang meliputi latar belakang kajian, pendekatan teori yang berkaitan dengan kajian dan pernyataan masalah yang menjelaskan sebab-sebab kajian ini perlu dijalankan. Di samping itu, tujuan kajian, kesignifikanan kajian dan beberapa definisi pemboleh ubah yang berkaitan dengan tajuk kajian diperjelaskan. Akhir sekali, hipotesis kajian juga dinyatakan bagi tajuk yang hendak dikaji.

#### **Latar Belakang Kajian**

Dunia pekerjaan telah mengalami pelbagai perkembangan dengan peningkatan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi seperti automasi, pertambahan dalam pelbagai pengkhususan pendidikan dan bidang pekerjaan serta perubahan dalam bentuk kerja. Faktor-faktor ini menjadikan dunia pekerjaan dalam keadaan yang sentiasa berubah-ubah dan bertambah kompleks. Perkara ini telah menyulitkan pemilihan sesuatu pekerjaan, usaha membuat keputusan berkaitan dengan kerjaya serta perancangan masa depan yang patut dilakukan oleh seseorang individu terutamanya bagi golongan pelajar.



Pelajar ialah pewaris generasi masa depan. Perkembangan serta kemajuan sains dan teknologi memerlukan generasi akan datang yang sentiasa peka dan bersedia menghadapi alam kerjaya yang semakin mencabar. Justeru itu, generasi pelajar masa kini perlu diberikan bimbingan kerjaya yang mantap dan tersusun rapi agar mereka dapat meneroka dunia pelajaran dan pekerjaan yang penuh persaingan bagi mencapai cita-cita dan memenuhi hasrat wawasan negara.

Dalam usaha memantapkan sistem pendidikan negara, Kementerian Pelajaran telah melakukan beberapa perubahan positif untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang sedia ada. Aspek-aspek yang mengalami perubahan terkini dalam sistem pendidikan negara antaranya ialah Sistem Pensijilan Terbuka Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar yang memasuki Tingkatan Empat setelah menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) perlu memilih aliran pengkhususan dan mata pelajaran yang dikehendaki dalam peperiksaan SPM. Mereka juga perlu mengambil kira sama ada kombinasi mata pelajaran tersebut ditawarkan kursus atau tidak jika mereka ingin melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi.

Sistem Pensijilan Terbuka SPM yang mengandungi 12 pakej (Jadual 1 dan Jadual 2) diperkenalkan pada Oktober 1998 dan dilaksanakan pada peperiksaan SPM tahun 2000 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998). Calon SPM perlu mengambil satu pakej sahaja yang terdiri daripada enam (6) mata pelajaran wajib iaitu Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI), Pendidikan Islam (PI) atau Pendidikan Moral (PM), Sejarah (Sj), Matematik (M) dan Sains (Sc) serta bebas untuk mengambil mata pelajaran lain sebagai pilihan berdasarkan pakej pengkhususan, semaksimum yang

termampu oleh calon. Tiap-tiap pakej bernilai tinggi dari segi prasyarat dan keperluan untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi pada peringkat diploma atau ke peringkat prauniversiti (Tingkatan Enam dan Matrikulasi).

**Jadual 1**  
**Pakej 1 (Ekapengkhususan)**

<i>Pakej</i>	<i>Kombinasi Mata Pelajaran</i>	<i>Bidang Pengajian</i>
PAKEJ 1A Sains Tulen	Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + 2/3 mata pelajaran (mp) sains tulen Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + Fizik + Biologi + Kimia (9mp)</li> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + Fizik + Kimia (8mp)</li> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + Biologi + Kimia (8mp)</li> </ul>	sains, sains gunaan, perubatan, pergigian, kejuruteraan, teknologi maklumat, sains matematik, teknologi polimer, kimia industri, sains makanan, sains komputer, pendidikan, arkitek, teknologi tekstil, mikrobiologi, farmasi, ukur bahan dan perakaunan.
PAKEJ 1B Sastera Ikhtisas	Mata pelajaran wajib + Matematik Tambahan + 2 mata pelajaran sastera ikhtisas Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib + Matematik Tambahan + Prinsip Akaun + Perdagangan (9mp)</li> </ul>	perakaunan, ekonomi, perdagangan, pendidikan dan pentadbiran perniagaan
PAKEJ 1C Pengajian Islam	Mata pelajaran wajib (kecuali Pendidikan Islam) + 2 mata pelajaran pengajian Islam + Bahasa Arab Tinggi Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Pendidikan Islam) + Pendidikan al-Quran as-Sunnah + Pendidikan Syariah Islamiah + Bahasa Arab Tinggi (8mp)</li> </ul>	pengajian Islam, usuluddin, perundangan Islam, bahasa Arab, kesusasteraan Arab dan dakwah
PAKEJ 1D Sains Tambahan	Mata pelajaran wajib + Matematik Tambahan + Sains Tambahan Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib + Matematik Tambahan + Sains Tambahan (8mp)</li> </ul>	sains sukan, sains dengan pendidikan, kejuruteraan (diploma), sains komputer, sains matematik dan perakaunan
PAKEJ 1E Vokasional	Mata pelajaran wajib + 3 mata pelajaran vokasional Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib + Lukisan Geometri dan Binaan Bangunan + Kerja Kayu dan Bata (9mp)</li> </ul>	bidang vokasional bergantung kepada pakej yang pelbagai
PAKEJ 1F Kemanusiaan	Mata pelajaran wajib + 2/3 mata pelajaran kemanusiaan Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib + Geografi + Kesusasteraan Dalam Bahasa Inggeris + Muzik (9mp)</li> </ul>	sejarah, geografi, sains sosial, perundangan, bahasa kesusasteraan Melayu / Inggeris, pendidikan dan muzik
PAKEJ 1G Teknologi Maklumat	Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + Teknologi Maklumat + 1/2 mp sains tulen atau Sains Tambahan Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + Teknologi Maklumat + Fizik + Kimia (9mp)</li> </ul>	teknologi maklumat, kejuruteraan perisian, analisis sistem dan kejuruteraan komputer

Sumber: Panduan Pemilihan Mata Pelajaran Dalam Konteks SPM Pensijilan Terbuka (1998:5-10)

**Jadual 2**  
**Pakej 2 (Dwi pengkhususan)**

<i>Pakej</i>	<i>Kombinasi Mata Pelajaran</i>	<i>Bidang Pengajian</i>
PAKEJ 2A Sains Tulen – Teknologi	Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + 2/3 mata pelajaran (mp) sains tulen + 1/2 mata pelajaran teknologi Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + Fizik + Kimia + Lukisan Kejuruteraan (9mp)</li> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + Fizik + Kimia + Lukisan Kejuruteraan + Pengajian kejuruteraan Awam (10mp)</li> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + Fizik + Biologi + Kimia + Sains Pertanian (10mp)</li> </ul>	sains, sains gunaan, kejuruteraan, teknologi maklumat, sains matematik, teknologi polimer, kimia industri, sains komputer, pendidikan, arkitek, teknologi tekstil, farmasi, ukur bahan, perakaunan dan perdagangan
PAKEJ 2B Sains Tulen - Sastera Ikhtisas	Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + 2 mata pelajaran (mp) sains tulen + 1/2 mata pelajaran sastera ikhtisas Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + Fizik + Kimia + Prinsip Akaun (9mp)</li> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Sains) + Matematik Tambahan + Fizik + Kimia + Prinsip Akaun + Perdagangan (10mp)</li> </ul>	pelbagai bidang sains dan teknologi, perakaunan, ekonomi dan perdagangan
PAKEJ 2C Pengajian Islam - Sastera Ikhtisas	Mata pelajaran wajib (kecuali Pendidikan Islam) + Matematik Tambahan + 2 mata pelajaran pengajian Islam + 2 mata pelajaran sastera ikhtisas Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib (kecuali Pendidikan Islam) + Matematik Tambahan + Pendidikan al-Quran as-Sunnah + Pendidikan Syariah Islamiah + Ekonomi Asas + Prinsip Akaun (11mp)</li> </ul>	pelbagai bidang pengajian agama, perundangan, perakaunan, pendidikan, ekonomi, perdagangan dan perbankan
PAKEJ 2D Sains Tambahan - Sastera Ikhtisas	Mata pelajaran wajib + Matematik Tambahan + Sains Tambahan + 1 mata pelajaran Sastera Ikhtisas Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib + Matematik Tambahan + Sains Tambahan + Ekonomi Asas (9mp)</li> </ul>	sains, matematik, perakaunan, ekonomi dan pendidikan
PAKEJ 2E Kemanusiaan - Sastera Ikhtisas	Mata pelajaran wajib + 2 mata pelajaran kemanusiaan + 1 mata pelajaran Sastera Ikhtisas Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mata pelajaran wajib + Geografi + Kesusasteraan Dalam Bahasa Inggeris + Prinsip Akaun (9mp)</li> </ul>	geografi, pendidikan, muzik, perakaunan, ekonomi, kesusasteraan, perdagangan dan perbankan

*Sumber:* Panduan Pemilihan Mata Pelajaran Dalam Konteks SPM Pensijilan Terbuka (1998:5-10)

Sistem pensijilan terbuka ini dikatakan lebih anjal, pelajar lemah tidak terlalu dibebankan di samping pula dapat merangsang pelajar pandai dan bermotivasi tinggi. Syarat minimum pemberian sijil SPM adalah lulus Bahasa Melayu. Gred pencapaian mata pelajaran ditekankan dan lebih dapat memberi gambaran tentang bakat dan potensi seseorang pelajar berbanding agregat dan pangkat yang dinyatakan dalam

peperiksaan SPM sebelum ini. Namun begitu, adakah pelajar mempunyai kemahiran dan tahu pakej yang sesuai dan patut diambil?

Lazimnya pelajar terikut-ikut dengan ajakan kawan-kawan dalam memilih sesuatu aliran pelajaran tanpa memikir tentang minat, ciri personaliti, nilai pekerjaan yang dikehendaki, bidang pengkhususan yang boleh diikuti di institusi pengajian tinggi dan peluang pekerjaan yang akan diceburi selepas itu. Apabila tamat SPM, mereka kabur sama ada hendak menyambung pelajaran ataupun bekerja. Sekiranya mereka membuat persediaan dan penerokaan yang mencukupi, peralihan-peralihan yang perlu mereka lalui seperti daripada SPM ke STPM / program matrikulasi / diploma / kenaikan khas / ijazah atau bekerja, pastinya akan lebih terancang dan menuju ke matlamat. Malahan tidak dapat dinafikan bahawa terdapat segelintir pelajar yang memasuki program bukan atas dasar pilihannya sendiri tetapi kerana ditawarkan. Oleh itu, pelajar perlu benar-benar mempunyai sikap dan kecekapan yang betul dalam pilihan kerjaya. Tindakan melulu bukan sahaja tidak wajar kerana individu biasanya tidak dapat berpatah balik ataupun memakan masa untuk berpatah balik. Ketidakpuasan akan terbawa-bawa semasa kerja dan akhirnya mendatangkan kekecewaan pada individu tersebut.

Mereka yang berada pada peringkat sekolah menengah atau pengajian tinggi adalah dalam lingkungan antara umur 15 hingga 24 tahun. Menurut Super (1963), peringkat perkembangan kerjaya mereka termasuk dalam peringkat penerokaan yang meliputi tugas perkembangan kerjaya kristalisasi, pengkhususan dan pelaksanaan. Pada peringkat kristalisasi (14 hingga 18 tahun), tugas perkembangan adalah seperti

pembentukan konsep sendiri dari segi kerjaya dan keupayaan mengaitkan konsep sendiri dengan peluang pendidikan dan kerjaya. Sementara pada peringkat pengkhususan (18 hingga 21 tahun) pula, individu akan bergerak daripada pemilihan kerjaya tentatif kepada pemilihan satu kerjaya spesifik dan pada peringkat perlaksanaan (21 hingga 24 tahun), individu yang tamat latihan kerjaya yang dipilihnya akan terus bekerja. Hasil penerokaan ini adalah peningkatan ilmu dan kefahaman tentang diri, persekitaran dan dunia pekerjaan.

Malangnya apabila kita lihat Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2002 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, didapati jumlah tenaga buruh yang menganggur bagi kumpulan umur antara 15 hingga 24 tahun ialah 228,000 orang (66.3%), iaitu dua pertiga daripada jumlah 343,600 orang jika dibandingkan dengan kumpulan umur yang lain.

**Jadual 3**  
**Taburan Penganggur Mengikut Kumpulan Umur, Malaysia 2002**

<i>Umur (Tahun)</i>	<i>Tenaga Buruh (‘000)</i>	<i>Bil. Bekerja (‘000)</i>	<i>Bil. Menganggur (‘000)</i>
15-19	581.1	480.3	100.8 (29.3%)
20-24	1 540.7	1 413.5	127.2 (37.0%)
25-29	1 573.2	1 532.6	40.6 (11.8%)
30-34	1 435.4	1 416.7	18.7 ( 5.5%)
35-39	1 324.0	1 308.4	15.6 ( 4.5%)
40-44	1 161.4	1 149.4	12.0 ( 3.5%)
45-49	999.1	988.5	10.6 ( 3.1%)
50-54	672.2	663.8	8.4 ( 2.5%)
55-59	374.4	368.5	5.9 ( 1.7%)
60-64	224.6	220.8	3.8 ( 1.1%)
<b>Jumlah</b>	<b>9 886.2</b>	<b>9 542.6</b>	<b>343.6 (100%)</b>

*Sumber:* Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2002 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003)



Kes menganggur yang dicatatkan bagi peringkat umur 15 hingga 24 tahun adalah teramai. Masalah ini adalah serius sebab menurut Super (1963), minat kerjaya berkembang dari satu tahap ke satu tahap melalui peringkat-peringkat perkembangan. Perkembangan ini merupakan pertumbuhan individu di mana tugas kerjaya perlu diselesaikan pada satu-satu peringkat sebelum bergerak ke peringkat seterusnya. Jika seseorang individu tidak dapat menyelesaikan tugas pada peringkat tersebut, pertumbuhannya akan tergendala dan merumitkan perkembangan kerjaya seterusnya. Keadaan akan berlaku di mana mereka tidak dapat mencari pekerjaan, selalu bertukar kerja atau pun menganggur.

Dalam hal ini, sejauh mana kejayaan seseorang pelajar lepasan sekolah menengah melangkah ke dunia pekerjaan selalu menjadi kayu ukur tentang keberkesanan pelaksanaan sistem pendidikan. Sekolah dipertanggungjawab untuk memastikan pelajar memiliki kemahiran yang sesuai dengan sesuatu pekerjaan. Pihak sekolah perlu menyediakan bimbingan kerjaya untuk membantu pelajar merancang masa depan dengan jayanya melalui pengajaran aspek-aspek kerjaya dari segi minat, sikap, personaliti, pengetahuan pekerjaan dan atribut-atribut lain yang berkaitan dengan sesuatu kerjaya.

Perkembangan kerjaya adalah satu proses sepanjang hayat. Engles (1994) telah memetik definisi perkembangan kerjaya oleh Persatuan Kaunseling Amerika sebagai “satu kumpulan menyeluruh faktor psikologi, sosiologi, pendidikan, fizikal, ekonomi dan peluang yang bergabung untuk mempengaruhi sifat dan kepentingan kerja dalam keseluruhan jangka hayat bagi seseorang individu”. Secara khususnya, definisi